

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Pasir Gudang dijangka dapat disiapkan dan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Hospital Pasir Gudang (304 katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah *Rolling Plan 1 (RP1)*, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) dengan kos keseluruhan berjumlah RM500,000,000.00. Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dan secara tender terbuka.
2. Untuk makluman Ahli Dewan juga, projek Hospital Pasir Gudang kini di peringkat pelaksanaan iaitu fasa pembinaan. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 48 bulan dan tarikh siap semasa pada 15 November 2024. Status sebenar pelaksanaan kemajuan fizikal sehingga Ogos akhir 2021 adalah mendahului jadual sebanyak 18 hari, iaitu 9.81% berbanding jadual 8.00%.
3. Pengoperasian Hospital Pasir Gudang dijangka pada tahun 2025 selepas proses mobilisasi pegawai serta kakitangan dan kesediaan peralatan perubatan di hospital tersebut.

Sekian, terima kasih.